

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 52 RABU 24 DISEMBER, 1969 1389 رابو 14 شوال PERCHUMA



Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan sedang menarek tirai bagi merasmikan Pusat Belia itu.

## KEMUDAHAN UTAMA UNTUK BELIA TANAH AYER

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan telah merasmikan pembukaan Pusat Belia yang berharga \$2.3 juta dalam satu upacara yang berlangsung di-Dewan pusat tersebut pada hari Sabtu lepas.

Kira2 800 orang para jemputan, termasuk Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Cheteria2, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pegawai2 Daerah, Ketua2 Jabatan, ahli2 majlis2 mashuarat, Orang2 yang bergelar dan pemimpin2 belia telah hadir dalam upacara itu.

Dalam upacara itu, Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan telah menyabdakan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi mengalu2kan perasmian pembukaan pusat itu.

Sa-telah upacara pembukaan itu selesai, Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan telah berangkat untuk melawat rangkaian bangunan Pusat tersebut dengan di-iringi oleh Yang Berhormat Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Md. Limbang dan Pesuruh-jaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri.

Para jemputan juga telah berpeluang melawat ka-Asrama, Kolam Bernang, Bilek Khutubkhanah, bilek kelas masak-memasak dan lain2 bahagian yang terdapat dalam rangkaian bangunan itu.

Pusat Belia itu di-dirikan dekat Kampong Berangan berhadapan dengan Bangunan Lapau dan batu asas pembenaannya telah di-letakkan pada 27 Ogos, 1967 oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ketika itu maseh lagi menjadi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Perutusan titah Duli Yang Maha Mulia dari London yang di-sabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan di-upacara pembukaan rasmi Pusat Belia itu di-siarkan sapenoh-nya seperti berikut:

“Dengan terbina-nya bangunan Pusat Belia yang indah tersergam laila permai ini maka terujud-lah satu lagi kemudahan utama, antara-nya bagi melonggarkan outlet semangkat memeras ke-elokan, keperibadian pemuda pemudi (Lihat Muka 8)

## M. B. B. YANG PERTAMA GUNAKAN PUSAT BELIA

**BANDAR BRUNEI.**—Majlis Belia2 Negeri Brunei ia-lah yang pertama sekali yang akan menggunakan Pusat Belia apabila Majlis itu melangsungkan Kongres Agong Perwakilan Belia pada 1 Januari, 1970 ia-itu tarikh yang di-ishtiharkan sebagai permulaan pusat itu dibuka untuk di-gunakan oleh persatuan2 belia di-negeri ini.

Ini telah di-nyatakan kepada Pelita Brunei oleh Setia Usaha Agong MBB, Awang Yaakob bin Ahmad semalam.

Kongres Agong itu akan dirasmikan pembukaan-nya oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib bin Awang Besar.

Kira2 500 orang perwakilan persatuan2 belia dan jemputan2 khas akan menghadiri pembukaan Kongres Agong itu.

Sa-banyak 5 buah kertas kerja akan di-kemukakan yang di-sediakan oleh pegawai2 tertinggi MBB yang terdiri dari Yang Di-Pertua MBB sendiri dan naib-nya, Setia Usaha Agong MBB, Ketua Seksi Tertinggi Ekonomi MBB dan Ketua Seksi Pelajaran MBB.

Yang Di-Pertua MBB, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin akan mengemukakan kertas kerja yang bertajok “Lagu MBB” yang senikata-nya di-chipta oleh beliau sendiri.

Naib Yang Di-Pertua MBB, Awang Jaya bin Abdul Latif akan mengemukakan kertas kerja mengenai “Khemah Kerja EXPO, 1970 di-Jepun”, sementara Awang Yaakob bin Ahmad, Setia Usaha Agong MBB akan mengemukakan pindaan undang2 untuk mensesuaikan pergerakan MBB pada masa ini.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz Omar, selaku Ketua Seksi Tertinggi Ekonomi MBB akan mengemukakan kertas kerja atas tajok “Permodalan Sharikat Kerjasama Pusat MBB”.

Ketua Seksi Pelajaran MBB, Awang Yahya bin Haji Ibrahim akan mengemukakan kertas kerja bertajok “Lambang MBB”.

Dalam Kongres itu juga akan di-kemukakan pemilehan dua ahli jawatan kuasa tertinggi ia-itu Setia Usaha Agong dan Naib Yang Di-Pertua MBB untuk perkhidmatan tahun 1970/71.

## PERUNDINGAN DI-LONDON DI-LANJUTKAN LAGI

**BANDAR BRUNEI.** — Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei Awang A.R. Adair semalam telah mengeluarkan satu kenyataan mengenai perundingan di-London di-antara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Menteri2 Kerajaan British.

Kenyataan itu berkata, perundingan selanjut-nya akan

di-adakan pada suatu tarikh dalam tahun depan yang akan di-persetujui di-antara Kerajaan British dan Kerajaan Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat melawat London sejak 15 Nobember.

Semasa lawatan itu baginda telah mengadakan perbin- (Lihat Muka 8)



## Jawatan kuasa mengutip derma di-bentok

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah melantek sa-buah jawatankuasa, untuk melancarkan kempen bagi mengutip wang untuk menyelenggarakan Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Kempen itu akan di-tumpukan kepada kedai2 di-Seria, Kuala Belait, Tutong dan Bandar Brunei dan kena pada masa menjelang-nya Tahun Baru China pada 6 Februari, 1970.

Derma2 dari kedai2 merupakan salah satu sumber utama pendapatan bagi menyelenggarakan rumah itu. Tahun ini kedai2 telah mendermakan sebanyak \$18,025.

Persiapan bagi kempen mengutip derma itu sekarang sedang di-jalankan.

Sementara itu persiapan sedang di-buat bagi penghuni2 rumah itu untuk merayakan Christmas dan Tahun Baru China.

## Mashuarat Agong

### PEDUMAN

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PEDUMAN akan mengadakan mashuarat agongnya yang kedua pada hari Juma'at 26 Disember bertempat di-Sekolah Melayu Dato Gandhi, mulai jam 8.00 pagi.

Mashuarat yang akan dirasmikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri itu ia-lah bagi memilih ahli2 jawatan kuasa tadbir bagi tahun 1970-71.

Penduduk2 Kampong Pelambayan terutama ahli2 persatuan PEDUMAN ada-lah di-minta hadir di-upacara pembukaan rasmi itu.

## Kembali sa-telah jalani kursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai dari Askar Melayu Di-Raja telah kembali ka-tanah ayer pada hari Ahad lepas sa-lepas menjalani lathetan di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Lt. Sahari bin Ahmad dan Lt. Muda Mohammad Noh bin Abdul Hamid.

Pegawai2 itu telah mengikuti kursus perang bagi pemerintah platoon di-Sekolah Lathetan



Gambar menunjukkan sa-bahagian daripada kanak2 di-wad kanak2 di-rumah sakit Bandar Brunei sedang menikmati jamuan dalam satu perjumpaan Hari Raya dan Christmas yang telah di-adakan di-rumah sakit Bandar Brunei baru2 ini.

Dalam perjumpaan itu sa-ramai 50 orang kanak2 di-wad itu telah menerima hadiah2 yang berupa gula2, pakaian, kueh muih dan patong2 mainan yang di-sampaikan oleh Awang Charlie Keasberry yang berpakaian Baba Christmas.

Di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Puan A. R. Adair, dan Penolong Menteri Kesihatan, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PERWIRA akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada 1 Januari hadapan bertempat di-Dewan Puspa Kampong Sungai Pandan.

Sambutan yang di-beri nama 'Pesta PERWIRA Aidil Fitri' itu akan mengandungi per-

sembahan2 lagu2 moden dan asli, lawak jenaka, menduga akal, berbalas pantun, persembahan derama dan peraduan nyanyian dan memba-

cha sajak yang terbuka kepada persatuan2 belia dan orang ramai di-Daerah Brunei-Muara.

Orang2 yang ingin masuk bertanding dalam peraduan2 tersebut boleh-lah berhubung dengan nama yang di-sebutkan ini untuk mendapatkan borang2 masuk bertanding.

BANDAR BRUNEI. — Kolam2 Ternakan Ikan Jabatan Perikanan di-kawasan Sungai Jambu dekat Bandar Brunei akan mulai di-gunakan kira2 dalam awal bulan depan.

Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmieir ketika menyatakan perkara ini berkata, pembenaan kolam2 dan saloran2 ayer telah siap dan

semua2 lagu2 moden dan asli, lawak jenaka, menduga akal, berbalas pantun, persembahan derama dan peraduan nyanyian dan memba-

Orang2 yang ingin masuk bertanding dalam peraduan2 tersebut boleh-lah berhubung dengan nama yang di-sebutkan ini untuk mendapatkan borang2 masuk bertanding.

Awang Ali bin Metussin, Pejabat Bandaran, Awang Azahari bin Gemok, Kampong Sungai Pandan; Awang Abd. Rahman bin Pgh. Di-Gadong, Pejabat Pos; dan Awang Sulaiman Daud, Pejabat Setor dan Perbekalan Negara.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28 Disember, 1969.

## Kolam2 ikan mula di-gunakan pada awal tahun depan

pemborong sekarang menjalankan kerja2 terakhir.

Dr. Birkenmieir berkata, lapan belas buah kolam, telah siap pada awal bulan lepas. Besar-nya kolam2 itu ia-lah di-antara 1/100 ekar hingga sa-ekar.

Kerja pembenaan kolam2 ikan yang letak-nya di-atas sabidang tanah seluas empat belas ekar itu, di-mulakan dalam tahun lepas.

Ia-nya di-bena bagi tujuan untuk memberikan Jabatan Perikanan asas bagi pengeluaran ikan untuk di-bahagi2kan kepada peladang2 yang mempunyai kolam ikan di-negeri ini.

Ikan seperti Tilapia, Lapam Jawa, Gurami dan Bawal akan di-gunakan dalam perchubaan.

Jabatan itu juga akan menggunakan kolam2 itu untuk memberikan nelayan2 tempatan lathetan mengenai chara menternak ikan yang moden dan untuk menjalankan perchubaan membiak ikan.

## Jalan Pangkalan Batu di-tutup

BANDAR BRUNEI. — Jalan kecil dari Kampong Pangkalan Batu ka-Kampong Limau Manis telah rosak oleh kerana hujan. Untuk menjaga keselamatan lalu lintas sa-barang kenderaan tidak di-benarkan melalui jalan tersebut sehingga jalan itu siap di-perbaiki.



**BARANG** di-ketahui bahawa tiap2 orang Islam perchaya tentang ada-nya hari kiamat yang mana pasti ada itu, itu telah dapat di-buktikan didalam rangkaian rukun Iman yang sa-bagai asas pegangan orang2 Islam.

Sa-waktu hari kiamat nanti, terjadi-lah perkara2 yang akan terjadi, antara lain akan terjadi satu peristiwa yang boleh mendatangkan keinsafan dan hendak-lah orang2 Islam megambil iktibar.

Peristiwa tersebut ia-lah pada di-suatu ketika semasa orang2 kafir dan penderhaka2 terhadap Allah sedang di-kumpulkan untuk di-masokan ka-dalam api neraka sa-bagai pembalasan amalan dan perbuatan mereka di-dunia ini, tiap2 anggota2 dan kulit2 mereka berchakap membenarkan keterangan2 sa-bagai saksi segala apa2 yang telah di-lakukan oleh mereka di-dalam dunia semasa hidup-nya dengan terang dan jelas yang tidak berselisih walau sedikit jua pun. Mereka kehairanan lalu bertanya kepada pancha

# PERISTEWA2 YANG AKAN TERJADI SEMASA HARI KIAMAT

## KHUTBAH JUMA'AT

**"Anggota akan berchakap membenarkan keterangan2 sa-bagai saksi segala apa yang telah di-lakukan semasa hidup di-dalam dunia"**

indera mereka, maka lantas pancha indra menjawab.

Peristiwa yang akan terjadi ini ada di-terangkan oleh Allah subhanahu-wataala di-dalam Al-Quran Al-Karim dalam surat Assajdah ayat 19 hingga 22 yang bermaksud:

## Lebih 100 orang bersembahyang Hari Raya di-Dewan INSAP

**BANDAR BRUNEI.** — Seksi Ugama Persatuan Ikatan Setia Pahlawan — INSAP telah berjaya mengendalikan sambutan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri yang baru lalu.

Lebih dari 100 orang Islam termasuk beberapa orang perempuan dari Kampong Setia Pahlawan dan kampong2 di-sekitar-nya telah berjemaah yang telah berlangsung di-dewan persatuan tersebut.

Ini ada-lah kedua kali-nya persatuan tersebut mengendali-

kan sembahyang raya di-dewan itu.

Sementara itu pada 15 Disember lepas ahli2 persatuan INSAP itu telah mengadakan perjumpaan di-dewan persatuan tersebut.

Tujuan perjumpaan itu ia-lah untuk menyatu padukan dan mengeratkan perpaduan ahli2 persatuan tersebut disamping untuk bersalam2an di-Hari Raya yang mulia itu bagi meminta ampun dan ma'af segala kesilapan.

## Dua di-chalunkan bagi Ketua Kampong Lambak

**KAMPONG LAMBAK.** — Awang Pudir bin Jumahat dan Wang Juna Kahar telah di-ilah untuk di-chalunkan menenohi jawatan sa-bagai Ketua Kampong Lambak.

Pemilihan yang telah di-adakan di-rumah Penghulu Dato Mahawangsa Haji Sulaiman bin Haji Menudin di-Kampong Lambak pada minggu

lepas itu telah di-pengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Sahibolbandar Haji Mohamad. Pengiran Idriss berkata, sesuai dengan peratoran pemilihan sa-orang ketua kampong, nama chalun2 itu akan di-kemukakan kepada kerajaan untuk di-siasat sa-belum di-luluskan.

pendengaran, pemandangan dan kulit2-mu yang akan menjadi saksi bagi mu, bahkan kamu sangka bahawa Allah tidak mengetahui kebanyakan apa2 yang kamu perbuat."

Berdasarkan maksud ayat tadi, hendak-nya-lah kita dapat memahami bahawa segala tingkah laku dan perbuatan kita di-dunia ini, sama ada baik dan jahat ada-lah di-dalam makluman Tuhan, walau bagaimana pun chara dan keadaan di-lakukan sama ada di-khalayak ramai atau sa-balek-nya, beramai2 atau pun sa-orang diri kerana saksi2 sentiasa berada bersama2 kita sendiri yang tidak dapat di-bohong2kan.

Oleh itu hendak-lah kita mengambil iktibar di-atas peristiwa yang telah di-terangkan oleh Allah di-atas tadi, muga2 kita akan selamat dari kejahatan di-atas dan segala perbuatan kita sendiri.

## 3PTM. WAKILI DAERAH TUTONG

**TUTONG.** — Persatuan Melayu Tanjong Maya telah menganjurkan Persatuan Pemuda Sukarela dalam perengkat akhir pertandingan bahath bagi Daerah Tutong yang telah berlangsung di-Keriam malam Sabtu lepas.

Pasokan Tanjong Maya mewakili Daerah Tutong dalam pertandingan perengkat akhir seluruh negeri yang akan di-adakan di-Pusat Belia di Bandar Brunei pada 28 Disember.

Pertandingan berbahath itu ia-lah projek tahunan Persatuan Melayu Keriam dan ia-nya ada-lah kemunchak dari acara sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang telah di-adakan di-Dewan persatuan tersebut pada malam itu.

"Pada hari kiamat di-kumpulkan musoh2 Allah (orang2 kafir dan derhaka) ka-dalam neraka lalu mereka di-halau semua-nya kasana, sa-hingga apabila mereka sampai kasana lantas penerangan, pemandangan dan kulit2 mereka menjadi saksi tentang apa yang telah mereka kerjakan. Berkata-lah mereka kepada kulit-nya mengapakah menjadi saksi atas perbuatan kita?."

Sahut kulit itu, kami telah di-pandaikan berkata2 oleh Allah, yang mana memandaikan berkata2 tiap2 sa-suatu yang di-kehendaki-nya, dia menjadikan kamu pada mula2-nya dan kapada-nya kamu kembali.

Kamu tidak dapat menyembunyikan diri, tatkala memperbuat dosa daripada

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei / Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Dis. 1969 hingga ka-hari Selasa 30 Dis. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari    | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 24 Dis. |       | 12-26  | 3-45 | 6-21   | 7-36 | 4-52  | 5-07  | 6-25            |
| 25 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-54  | 5-09  | 6-27            |
| 26 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-54  | 5-09  | 6-27            |
| 27 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 5-54  | 5-09  | 6-27            |
| 28 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-45  | 5-09  | 6-27            |
| 29 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-54  | 5-09  | 6-27            |
| 30 Dis. |       | 12-28  | 3-47 | 6-24   | 7-39 | 4-54  | 5-09  | 6-27            |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.





24hb. Disember, 1969.

## PANDANGAN YG. MENAREK

**PEMBUKAAN** Pusat Belia yang baru saja berlangsung itu ada-lah merupakan satu2-nya jurusan yang banyak menarik perhatian orang dalam minggu ini.

Iringan dari pembukaan itu berbagai2 pandangan telah timbul yang pada umum-nya terbit dari satu keinginan ia-itu "ingin melihat supaya Pusat itu akan tetap dengan sinar-nya yang tidak berkurangan saperti-mana suasana perasmian pembukaannya yang di-chatat sebagai hari yang bersejarah bagi pertolakan kemegahan pusat itu".

Intisari dari pandangan2 itu, terutama bahagian2 yang memerlukan perhatian yang berat sudah tentu tidak akan di-abai-kan oleh pihak2 yang mengendalikan pusat itu.

Salah satu pandangan yang amat menarik ia-lah dari Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin. Amat menarik-nya lagi pandangan beliau itu ia-lah merupakan pernyataan idea dari seorang pemimpin MBB yang sudah tentu idea2 beliau itu didasarkan kepada hasrat untuk mengarahkan belia2 tanah ayer agar tampil sebagai orang2 yang amat berguna untuk negara dan bangsa di-hari2 muka.

Empat faktor yang di-harapkan beliau untuk dapat di-lahirkan dari dalam Pusat Belia itu ia-lah Badan Pengurus yang cekap dan tegas; penyelidekan dan kajian2 yang mendalam mengenai kemahuan dan hasrat belia; ranchangan2 yang teratur menyeluruh ka - kawasan2 luar bandar dan melahirkan belia2 Brunei yang mempunyai keperibadian-nya yang tersendiri dan dapat mengharumkan nama baik Brunei Darus Salam.

Ke-empat2 faktor yang di-sarankan beliau itu ada-lah merupakan urat nadi yang bakal menentukan sukses-nya Pusat Belia dalam mengator langkah-nya untuk berjalan terus dan di-sayangi oleh belia2 yang benar2 memerlukan bimbingan rohani dan jasmani.

Tetapi dapatkah ke-empat2 faktor itu di-laksanakan dalam masa yang singkat? Saranan2 itu bukan-lah "iang2-ku-side-wata" sifat-nya, dan ia-nya sudah tentu memakan masa yang agak panjang sedikit untuk di-laksanakan.

Dari kaca mata kita, maka saranan2 beliau itu ternyata banyak kebaikan-nya dan kita merasa memang perlu dan amat sesuai benar untuk di-kendalikan oleh Pusat itu dengan sebaik2-nya.

Kita percaya, pihak yang bertanggung-jawab mengendalikan Pusat itu sudah tentu telah merencanakan berbagai2 jurusan yang penting dengan harapan supaya Pusat itu sentiasa berjalan dengan menempah kejayaan2 dalam memimpin belia2 ka-arrah yang berkebakikan dan bermunafaat terhadap bangsa dan negara.

Kerana itu, ada-lah bijak untuk menerima pandangan2 yang di-utarakan dan melakukan penelitian yang mendalam, bahkan jika banyak pandangan2 yang di-teliti, maka faedah-nya akan dapat di-pertanggung-jawabkan.



Tetamu2 khas di-upacara pembukaan rasmi Pusat Belia ketika do'a selamat di-bacakan. Dari kiri ia-lah Y. B. Pemangku S.U.K. Dato Paduka Awang Md. Taib, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Ketua Pentadbiran Suruhanjaya Tinggi British, J.E.T. Thorne, Duli Y.T.M. Seri Paduka Timbalan Sultan, Y.B. Penulong Menteri Kebajikan dan Pos, Pesuruhjaya Kebajikan, Penulong Setia Usaha Kerajaan dan Y.B. Awang Hj. Abdul Aziz Omar.



Johan Nyanyian Asli, Awang Juned Haji Ramlee dari Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas (PERANGKAP) sedang menerima piala kemenangan-nya dari Datin Hajjah Salmah, isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dalam upacara Malam Budaya di-Dewan Pusat Belia.



Drama khas berjudul "Malam Berdarah" karya Mohammad Haji Serudin telah di-pentaskan di-Malam Budaya oleh gabungan artis2 tempatan. Kelihatan Pengiran Mohd. Don sebagai Penghulu Baritus sedang beraksi menunjukkan karakter yang bengis dan pemeran ka-atas anak2 kampung-nya.

# SUASANA LUCHU PEMBUKAAN PUSAT BELIA

**PESUROHJAYA** Kebajikan men-sifatkan tarikh 20 Disember, 1969 bersamaan dengan hari Sabtu, 10 Shawal, 1389 sa-bagai hari yang bersejarah bagi belia2 tanah ayer, kerana pada hari itu di-istiharkan pembukaan Pusat Belia oleh Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan.

Pada hari itu di-taksirkan kira2 800 orang jemputan telah meng-hadiri upacara pembukaan rasmi itu, tetapi tetamu2 khas dari luar negeri telah tidak dapat hadir, walau pun telah di-umumkan yang

tetamu2 itu akan hadir dan per-sediaan2 yang perlu telah di-sedia-kan.

Suasana pembukaan pada hari tersebut telah menarik perhatian hadirin yang telah gelak-ketawa sa-telah mengikuti dengan serius pada ucapan2 yang di-lapadkan, terutama titah Duli Yang Maha Mulia yang di - sabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan.

Gelak-ketawa itu di-timbulkan oleh satu teknik yang di-usahakan oleh pekerja2 kebajikan yang membuboh bahan letupan ringan pada tirai yang menutupi papan-nama pusat itu. Bila tali tirai itu di-tarik oleh Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan, lalu letupan itu kedengaran dan menyebarkan kertas2 yang di-hiris panjang dan mengenai ka-pada Yang Berhormat Penulong Menteri Kebajikan dan Pos. Lalu lepas-lah derai ketawa tetamu2 khas dan jemputan2 yang hadir.

Maka penyudah-nya bacahan do'a selamat oleh Timbalan Kadhi Besar, Yang Di-Muliakan Bagawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Md. Yassin.




Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan sedang menanda-tangani buku lawatan di-Pusat Belia.

Rangkaian bangunan Pusat Belia yang menelan per-belanjaan pembenaan-nya sa-banyak \$2.3 juta yang akan menjadi pusat untuk belia2 melaksanakan gerakan2 kebajikan.



Lima buah persatuan belia berjaya memasuki pertandingan akhir pementasan drama sababak "Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela". PERANGKAP, yang terkenal dengan kegiatan2 drama-nya telah menjadi Johan-Pelakun2 PERANGKAP ketika dalam pertarungan dan di-kiri sekali ia-lah Ghafar Salim yang berjaya menjadi pelakun yang terbaik.



Kolam Bernang yang terdapat dalam rangkaian bangunan Pusat Belia.



Jemputan2 khas geli hati ketika menyaksikan pengishti-haran pembukaan Pusat Belia dengan satu chara yang menarik yang di-reka oleh pekerja2 Jabatan Kebajikan.

Pasangan Haji Damit bin Salleh dan Dayang Kayah binte Bakar dari Persatuan Angkatan Kg. Setia (Akse) telah mendapat tempat kedua dalam peraduan nyanyian asli dengan nyanyian mereka "Dundang". Haji Damit sedang menerima hadiah dari Datin Hajjah Salmah.



Asrama bagi perempuan yang terdapat dalam Pusat Belia. Asrama ini di-sediakan untuk kemudahan2 kaum perempuan yang menuntut pelajaran2 rumah tangga yang akan di-kelolakan di-Pusat Belia. Asrama untuk lelaki telah juga di-sediakan untuk kemudahan mereka ketika menghadiri kursus2 yang bakal di-adakan di-Pusat itu.



## Tanah perkuboran baru bagi orang2 Christian

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menyediakan saking tanah di-Kampung Lambak, Jalan Pasir Berakas untuk di-jadikan tanah perkuboran bagi orang2 bukan Islam.

Pesuruhjaya Tanah, Awang B. C. Cartland berkata, tanah perkuboran itu di-untukan bagi

orang2 China, Hindu dan orang2 yang menganut Ugama Christian.

Lesen2 untuk mengkebumikan mayat telah di-keluarkan di-bawah Undang2 Tanah Perkuboran kepada pengerusi rumah berhala China, Yang Di-Pertua Kesatuan Orang2 India, Bandar Brunei, Padri Gereja

St. Andrews dan Misi Roman Catholic di-Bandar Brunei.

Awang Cartland berkata, tidak ada pengasingan di-tanah perkuboran itu tanpa kebenaran pemegang lesen yang bertanggung jawab bagi menentukan bahawa pengasingan berdaftar di-Pejabat Tanah Daerah Brunei.

## 65 ORANG LULUS

### PEREKSA

### BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Saramai 65 dari 68 orang bukan Melayu telah lulus dalam peperiksaan bahasa Melayu yang telah di-ada dalam bulan Oktober lepas.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran itu telah di-bahagikan kepada empat bahagian — permulaan, tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan tiga.

Sa-puluh orang telah berjaya dalam tingkatan tiga, 17 dalam tingkatan dua, 21 orang dalam tingkatan satu dan 16 dalam tingkatan permulaan.

Nama2 calon yang telah lulus peperiksaan itu ada-lah seperti berikut:

#### Tingkatan Permulaan:

Jane Nurden, Liang Swee Leng, Chan Siew Kon, Lim Laye Tin, Doris Chung, Chang Siew Lan, Marjorie Joyce Eddison, Elsie Noel Sepion, Wong Hia Ming, Joseph Alangarasamy, Florence Puk.

Liew Kui Kiong (Michael), Yap Choi Yin, Boon Yau Ming, Boon Yau Wha, Chong Chee Yin.

#### Tingkatan Satu:

Sherlock S. L. Chin, Rusi Iran, Donald Chin, Samuel Jeyathaya, Nandana Ranjit Ramachandra.

Lin Chee Keet, Wang Yuk Hock, Emily Papadhan, Vimalama Keshy, Wong Yau Pang, Mary Mathews, Yong Thau Yin, Liew Lim Fah, Lee Poi Poh Yin, Chin Yang Mee, Lee Ying Mei, Wong Hui Lin, Eda Iim, Long Liann Leng, Ling Siew Sin, Chong Teng Kiang dan Leela Koshy.

#### Tingkatan Dua:

Teng Seng Keh, P. Ganesaratnam, Lucy Lim, Hee Chiang, Juliana Ching Teo Hiyu, Mrs. Gurdip Kaur Sandhu, Dayang Thankam Nair, Lau Peck Song.

Koshy Ittyeipe, Yee Phung Khong, Loh Lee Wah, Wong Khin Sinn, Kok Lee, Chai Yin Fah, Liew Shuk Fong, Mok Yu Kong, Mak Pok Min dan Ling Uong Leh.

#### Tingkatan Tiga:

Ngui Thien Soong, Ching Ming, Frederick Chong Kew Chai, Chia Swee Neo Chong May Leng, Cheong Kui Pheng, Chiew Hock Wah.

Lim Ann Chuan, Frederick Lai Yoon Chai dan Rajagopal.



## Penggal2 dan kelepasan Sekolah Melayu bagi tahun 1970

5hb. Januari, 1970 sekolah2 mulai di-buka.

**PENGAL I:** Isnin 5hb. Januari hingga 16hb. April, 1970 (Khamis).

#### Hari2 Kelepasan terkandung dalam Penggal I:

- |                                 |                                                                   |
|---------------------------------|-------------------------------------------------------------------|
| Awal tahun Masehi               | — 1hb. Januari, (Khamis) — 1 hari                                 |
| Tahun Baru China                | — 6hb. Februari, (Juma'at) ganti-nya 8hb. Februari (Ahad) 1 hari. |
| *Hari Raya Haji dan berikut-nya | — 17hb. Februari (Selasa) dan 18hb. Februari (Rabu) — 2 hari.     |
| *Tahun Baharu Islam 1390        | — 9hb. March (Isnin) — 1 hari.                                    |
| Chuti Penggal I                 | — 18hb. April (Sabtu) hingga 26hb. April (Ahad) — 9 hari.         |

**PENGAL II** Isnin 27hb. April hingga 6hb. Ogos (Khamis).

#### Hari2 Kelepasan terkandung dalam Penggal II:

- |                                                        |                                                              |
|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| *Maulud                                                | — 18hb. Mei, (Isnin) — 1 hari.                               |
| Hari Ulang Tahun Askar                                 | —                                                            |
| Melayu Di-Raja                                         | — 31hb. Mei, (Ahad) — 1 hari.                                |
| Hari Keputeraan Baginda Queen                          | — 14hb. Jun, (Ahad) — 1 hari.                                |
| Hari Keputeraan DYMM Sultan dan Yang Di-Pertuan Brunei | — 15hb. Julai (Rabu) — 1 hari.                               |
| Chuti Penggal II                                       | — 7hb. Ogos. (Juma'at) hingga 11hb. Ogos, (Selasa) — 5 hari. |

**PENGAL III:**

#### Bahagian:

- |                         |                           |
|-------------------------|---------------------------|
| 1. Rabu 12hb. Ogos      | — 8hb. Oktober (Khamis).  |
| 2. Rabu 21hb. Oktober   | — 29hb. Oktober (Khamis). |
| 3. Khamis 3hb. Disember | — 23hb. Disember (Rabu).  |

#### Hari2 Kelepasan terkandung dalam Penggal III:

- |                                    |                                                                                                                               |
|------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Hari Perlembagaan                  | — 29hb. September (Selasa) — 1 hari.                                                                                          |
| *Me'raj                            | — 28hb. September, (Isnin) — 1 hari.                                                                                          |
| Chuti Peperiksaan LCE/SRP          | — 11hb. Oktober (Ahad hingga 20hb. Oktober (Selasa) — 10 hari.                                                                |
| Hari Kerismas dan Hari berikut-nya | — 27hb. Disember (Ahad) dan 28hb. Disember (Isnin) sa-bagai ganti 25hb. Disember (Jumat) dan 26hb. Disember (Sabtu) — 2 hari. |
| Chuti Penggal III                  | — 30hb. Oktober (Juma'at) hingga 2hb. Disember, 1970 dan 24hb. Disember hingga 31hb. Disember, 1970. — 38 hari.               |

#### ALAMAT:

\*Terta'lok kepada perubahan.

Awal Tahun Persekolahan 1971 jatuh pada hari Ahad 3hb. Januari.

Gambar atas menunjukkan lima dari 13 orang pelumba basikal Brunei bersama tiga orang pegawai yang telah berlepas ka-Malaysia Barat pada 18 Disember untuk menyertai perlumbaan basikal di-Melaka dan Johore.

Lapan orang yang lain-nya telah berlepas dengan kapal laut pada 15 Disember lepas.

Dari kiri: Ak. Masauni, Chin Fook Phen, Arthur De Silva, Ak. Haji Mohammad (Pengurus) Ak. Shahar, dan dua orang pegawai yang menyertai rombongan itu. Gambar bawah menunjukkan pasukan bola keranjang perempuan Brunei sa-belum berlepas ka-Kuching untuk menyertai perlawanan Bola Keranjang antara tiga wilayah yang telah berlangsung pada 21 hingga 23 Disember yang lalu.





# Jawatan—Jawatan Kosong

## Di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

### a) PEMBANTU STUDIO (2 jawatan)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form II Inggeris.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$160 x 5 — 175.

### b) ATENDAN BILEK

BACHAAN (3 jawatan)

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II di-Sekolah Melayu atau Sekolah Inggeris.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

### c) JURUTAYANG

(1 jawatan)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar, alat pembesar suara dan generator. (Sa-

tu pepereksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

### d) PEMANDU KERETA/ JURUTAYANG

(2 jawatan)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Inggeris dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar,

alat pembesar suara dan generator. (Satu pepereksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

### e) PEMANDU OUTBOARD/ JURUTAYANG

(2 jawatan)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Inggeris dan mesti-lah boleh menjalankan jentera outboard serta mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar, alat pembesar suara dan generator. (Satu pepereksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

### f) PEGAWAI SIARAN (Pelateh)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Inggeris.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembailikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1970.

## Sa-bagai Penterjemah Kanan DBP

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penterjemah Kanan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti - lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Tertinggi (High School Certificate) dengan mendapat kepujian dalam kedua2 Bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam selok - belok penterjemahan sekurang2-nya selama 3 tahun; atau.
- Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Se-berang Laut dengan mendapat kepujian da-

lam kedua2 Bahasa Melayu dan Inggeris dan mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penterjemahan sekurang2-nya selama 5 tahun, atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya. Pertimbangan khas akan di-beri pada mereka yang mempunyai pengalaman lebeh dari tujuh tahun.

#### Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Pembaharuan

kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

#### Baksis:

Bagi chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembailikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1970.





## Perutusan titah D. Y. M. M. di-pembukaan rasmi Pusat Belia

(Dari Muka 1)

dari seluruh tanah ayer Brunei Darus Salam yang mempunyai chorak adat hidup-nya yang tersendiri ini laila kandongan adap.

Oleh yang demikian Beta ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua mereka yang telah menyumbangkan laila tenaga masing2 bagi menjayakan pembinaan Pusat Belia ini ia itu sama ada mereka yang bertugas sa-bagai Pegawai2 Kerajaan mahu pun pihak2 Konsaltan dan Akitek serta pihak2 mereka yang gemilang itu.

Sa-terus-nya beta perchaya dan berharap tenaga2 yang bernilai terutama sekali yang berchorak sukarela dari laila niat yang ikhlas laila jujur akan dapat perbanyakkan kesedarhanaan ketinggian mutu bagi faedah2 kemajuan.

Juga dengan sifat laila tenaga raksaksa belia yang pernah memberikan pengakuan taat setia-nya kepada beta dan Negeri ini ya'ani Negeri Brunei Darus Salam, Beta perchaya perlaksanaan2 ranchangan2 yang benar2 perlu, bermunafaat dapat di-jalankan menurut garis2 yang munasabah dan sechuchok dengan keadaan atau suasana sa-bagai laila perkembangan belia yang telah di-atorkan bagi negeri kita Brunei Darus Salam."

## PERUNDINGAN DI-LONDON DI-LANJUTKAN LAGI

(Dari Muka 1)

changan dengan Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Commonwealth dan Menteri Negara Lord Shepherd.

Perbincangan itu meneruskan ulang kaji terhadap hubungan yang ada sekarang di antara Britain dan Brunei yang di-mulakan dalam perundingan yang telah lalu dengan Setiausaha Negara Hal Ehwal Commonwealth dalam bulan September dan Oktober 1968.

Kenyataan itu berkata, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Menteri2 Pejabat luar dan Commonwealth telah mengkaji berbagai2 aspek mengenai peratoran2 yang ada sekarang di antara dua buah negara itu dan chara ia-nya boleh membayangkan perubahan2 dalam dasar British termasuk peng-undoran tentera British dari Asia Tenggara pada penghujung tahun 1971.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato  
Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Zain.

## PUSAT UNTUK MELANCHARKAN KEBAJIKAN

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh-jaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Md. Salleh bin Haji Masri menyeru seluruh belia di-negeri ini supaya menganggap Pusat Belia sa-bagai bangunan mereka sendiri dan menggunakan dengan sebaik2-nya.

Walaupun Pusat Belia merupakan bangunan Kerajaan, tetapi ia-nya ada-lah di-khaskan untuk belia2 tanah ayer sa-bagai pusat untuk mereka melancharkan gerakan2 yang berkebaikan dan bermunafaat terhadap masharakat dan negara, jelas beliau.

Beliau menekankan bahawa sa-tiap belia mesti-lah menamakan perasaan mereka untuk bertanggung-jawab bagi menjaga keselamatan dan kesempurnaan pusat itu.

Beliau berharap supaya belia2 tanah ayer akan menyedari perkara itu dan jangan-lah semata2 menyerahkan tanggung-jawab itu kepada Kerajaan saja, walaupun perkara2-nya telah di-sediakan.

Di-samping itu, beliau juga menyeru seluruh belia supaya benar2 menggunakan kemudahan2 yang ada dalam pusat itu seperti dewan untuk perbincangan2 dan permainan, kolam bernang, khutubkhanah, kelas masak memasak, asrama2 dan kemudahan2 lain.

Seruan itu telah di-buat beliau dalam ucapan-nya di majlis pembukaan rasmi Pusat itu pada hari Sabtu lalu.

Sementara itu, di-sabalah malam-nya, ketika beruchap di-upachara Pementasan Malam Budaya di-Dewan Pusat Belia, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa telah mengumumkan waktu2 pusat itu di-buka untuk di-gunakan oleh belia2 tanah ayer.

Pusat itu akan di-buka mulai 1 Januari, 1970 dan mulai dari tarikh itu, maka Persatuan2

## FAKTOR2 YANG HARUS ADA DALAM PENTADBIRAN PUSAT BELIA

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain telah menyarankan empat faktor yang harus ada dalam pentadbiran Pusat Belia.

Ke-empat2 faktor itu telah di-sarankan beliau dalam "Sa-gangsa sireh pinang" di-buku ranchangan pembukaan rasmi Pusat Belia bagi mengalu2kan pembukaan pusat itu bagi pehak MBB.

"Bahana dari kegembiraan Majlis Belia2 kerana pembukaan rasmi Pusat Belia dan berdasarkan keadaan2 belia dengan sifat2-nya yang menyeluruh serta kegiatan2 MBB serta kaum kerabat-nya yang bertaboran di-seluruh tanah ayer, maka saya menyarankan saperti berikut:

- a). Supaya Pusat Belia mempunyai badan pengurus-nya yang cekap dan tegas sesuai dengan kepentingan negara;
- b). Supaya Pusat Belia mengadakan penyelidikan dan kajian2 yang mendalam mengenai dengan kemahuan dan hasrat belia2 negeri ini;
- c). Supaya Pusat Belia menyusun ranchangan2 yang terator bukan saja tertumpu di-bandar2, bahkan meliputi kawasan2 luar bandar yang mana ranchangan2 itu di-ujudkan berdasarkan penyelidikan2 dan kajian2 yang telah di-adakan dari satu masa ka-satu masa; dan;
- e). Supaya Pusat Belia melahirkan belia2 Brunei yang mempunyai keperibadian-nya yang tersendiri dan dapat mengharumkan nama baik Brunei Darus Salam."

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua Majlis Belia2 itu telah ragu2 menyatakan bahawa dengan ada-nya belia2 yang di-asoh, di-pimpin, di-galakkan dan di-beri kawalan yang sihat menerusi Pusat Belia itu, maka di-yakini akan ujud masa depan yang amat che-rah bagi negeri ini.

Beliau juga merakatkan terima kasih dan mensifatkan sa-bagai satu perkara yang mengembirakan atas sikap tegas Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada melaksanakan ranchangan2 yang semata2 untuk membimbing belia2 ka-arrah yang berkebaikan.

Segala langkah2 yang di-jalankan itu, kata-nya, ada-lah bertujuan untuk tidak membiarkan belia2 negeri ini di-ambil kesempatan oleh pehak2 lain atau di-susupi oleh anasir2 yang berlawanan dengan ideologi negara.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya  
Laila Wangsa Awang Mohd.  
Salleh Haji Masri.

Belia yang hendak menggunakan-nya boleh-lah mengemukakan permohonan mereka.

Waktu2 Pusat itu di-buka ia-lah pada Hari Juma'at dan Ahad serta hari2 kelepasan awam mulai dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 malam dan pada masa bekerja mulai dari pukul 4.00 petang hingga 11.00 malam.

## Pusat lambang azam belia

BANDAR BRUNEI. — Pesuroh-jaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri menekankan bahawa dengan terditi-nya Pusat Belia di-negeri ini ada-lah menjadi lambang pada sa-tiap belia untuk memupok azam menuju ka-arrah kebahagiaan, ketenteraman dan kemakmoran negara dan bangsa.

Ini, kata-nya, ada-lah merupakan pernyataan niat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk membimbing belia2 di-negeri ini sa-bagai satu angkatan yang bertanggung-jawab terhadap faedah2 untuk negara dan bangsa.

Ketika beruchap di-upachara pembukaan rasmi Pusat Belia yang di-laksanakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha

pada hari Sabtu lepas, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengusahakan pembenaan pusat itu yang tujuan-nya semata2 untuk kebaikan belia.

Beliau telah juga menyatakan tentang pergerakan belia yang beliau sifatkan sa-bagai satu angkatan yang amat beruntung yang senantiasa di-ambil berat oleh Kerajaan bagi membantu perjuangan2 belia demi untuk faedah2 masharakat dan negara.

Dengan langkah2 Kerajaan untuk kebahagiaan belia2 selama ini, maka Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa telah mengikrarkan sapenoh2 taat setia seluruh belia, sa-bagai raayat Duli Yang Maha Mulia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.